



No Rujukan : PMM.JHEPP-600.2/1 JLD ( )  
Tarikh : 17 Februari 2021

Saudara/Saudari

**KEHADIRAN PELAJAR SEMESTER AKHIR KE KAMPUS POLITEKNIK MERLIMAU (PMM) BAGI PERKULIAHAN AKADEMIK SESI DISEMBER 2020**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk perkara di atas.

2. Berdasarkan takwim Akademik Sesi Disember 2020, sesi perkuliahan pelajar senior akan bermula pada 8 Mac 2021 bagi **semua pelajar semester akhir (semester 5 dan ke atas serta semester 4 Diploma Pengurusan Hotel (DHM))**. Saudara/Saudari dikehendaki melaksanakan kuarantin dan pengasingan diri sebagaimana jadual dibawah sebelum sesi **kuliah secara bersemuka dan hibrid** dilaksanakan. Walaubagaimanapun, buat masa ini pelajar semester akhir bagi **Program Diploma Akauntasi (DAT)** dan lain-lain semester program pengajian adalah dikecualikan hadir ke kampus.

JABATAN	TARIKH BERMULA KUARANTIN DIRI	TARIKH BERMULA PENGASINGAN DIRI	TARIKH BERMULA KULIAH DI PMM
Jab.Pelancongan Dan Hospitaliti ( <b>JPH</b> ) & Jab. Kej. Elektrik ( <b>JKE</b> )	<b>21 Februari 2021</b> (Tempoh 10 hari diwajibkan <b>Kuarantin di rumah sendiri</b> )	<b>3 Mac 2021 (Rabu)</b> Lapor diri pelajar di Kamsis / Rumah Sewa (tempoh <b>wajib 10 hari Pengasingan Diri</b> )	<b>Sesi Perkuliahahan bermula 8 Mac 2021 secara online &amp; bermula 12 Mac 2021 secara bersemuka / hibrid</b>
Jab. Perdagangan ( <b>JP</b> ), Jab. Kej. Awam ( <b>JKA</b> ) & Jab. Kej. Mekanikal ( <b>JKM</b> )	<b>22 Februari 2021</b> (Tempoh 10 hari diwajibkan <b>Kuarantin di rumah sendiri</b> )	<b>4 Mac 2021 (Khamis)</b> Lapor diri pelajar di Kamsis / Rumah Sewa (tempoh <b>wajib 10 hari Pengasingan Diri</b> )	<b>Sesi Perkuliahahan bermula 8 Mac 2021 secara online &amp; bermula 13 Mac 2021 secara bersemuka / hibrid</b>

3. Pihak PMM memandang serius usaha kerajaan dalam menangani wabak virus Covid 19 di negara ini. Sehubungan itu, saudara/saudari dikehendaki melaksanakan SOP yang ditetapkan sebelum dan semasa berada di PMM seperti berikut:

- a. Pelajar dikehendaki muat turun aplikasi **Deklarasi Kesihatan & Penilaian Risiko Covid-19 Pelajar Politeknik (PolyDec)** di laman sesawang PMM ke telefon pintar / komputer masing-masing.

- b. Pelajar perlu melengkapkan deklarasi ini melalui aplikasi PolyDec sebanyak 2 kali sehari mengikut tempoh masa berikut:
    - Masa daftar masuk: 11.00 pagi – 1 petang
    - Masa daftar keluar: 6.00 petang – 8.00 malam
  - c. Pelajar perlu menjalani **Kuarantin Diri (Self Quarantine)** di rumah masing-masing selama **10 hari** sebelum hadir ke PMM dan melaksanakan daftar masuk dan keluar sepanjang menjalani **Kuarantin Diri** melalui aplikasi **PolyDec**.
  - d. Pelajar perlu menjalani **Proses Pengasingan Diri (Self Isolation)** di Kamsis / Rumah Sewa selama **10 hari** dan melaksanakan daftar masuk dan keluar sepanjang menjalani **Pengasingan Diri** melalui aplikasi **PolyDec** sebelum mengikuti pelaksanaan Kuliah secara bersemuka / hibrid.
  - e. Sebelum memasuki Kawasan kampus, pelajar perlu mempamerkan **Maklumat Pengisytiharan PolyDec** kepada Pengawal Keselamatan sebagai bukti pematuhan kepada deklarasi kesihatan pelajar.
  - f. Manakala pergerakan keluar, masuk dan lokasi yang dikunjungi di setiap premis PMM perlu direkodkan menerusi aplikasi **MySejahtera**.
  - g. Pelajar diingatkan hendaklah sentiasa mengamalkan **pemakaian pelitup muka, pematuhan penjarakan fizikal, elakkan bersentuhan dan pematuhan SOP sepenuhnya** sepanjang berada di PMM.
  - h. Bersama ini disertakan Jadual Penerangan Kuarantin dan Pengasingan Diri. Untuk sebarang perubahan dan makluman terkini sila layari website [www.pmm.edu.my](http://www.pmm.edu.my)
4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan saudara/saudari boleh berhubung terus dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar ditalian 06-2636687 / 011-56944427. Sekian, terima kasih.

**“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”**

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**Ts. ZAN AIZUWAN BIN ZAINAL ABIDIN**

Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar

b.p Pengarah

Politeknik Merlimau

**Jadual : Penerangan Kuarantin dan Pengasingan Diri**

	<b>KUARANTIN DIRI</b>	<b>PENGASINGAN DIRI</b>
<b>Definisi</b>	<p><b>Kuarantin (Quarantine)</b> tanpa pengawasan bermakna tinggal di rumah bersama keluarga masing-masing dan menjauhi orang lain semampu mungkin dalam tempoh 10 hari dengan meminimumkan seboleh mungkin pergerakan keluar dari rumah dan sekitarnya.</p> <p>Ia juga sebagai zon pengawasan kendiri dirumah masing-masing dan langkah awal mengawal penularan pandemik COVID-19. Pendekatan ini adalah bagi memastikan tahap kesihatan pelajar adalah benar-benar sihat dan kurangnya risiko penularan COVID-19 sebelum meneruskan sesi Pengasingan Diri di Kampus dan mendaftar sebagai pelajar Politeknik.</p>	<p><b>Pengasingan diri (self-isolation)</b> bererti mengasingkan diri daripada menyertai aktiviti-aktiviti yang melibatkan orang ramai dan ditegah dari keluar bilik / rumah sewa atau menerima tetamu atau pergi ke tempat orang ramai di sepanjang tempoh pengasingan, kecuali untuk mendapatkan rawatan perubatan dan mendapatkan bekalan makanan.</p> <p>Pusat Pengasingan merupakan fasiliti yang disediakan di Kampus sebagai zon pengawasan bagi memantau tahap kesihatan dan risiko pelajar sebagai langkah mengawal penularan pandemik COVID-19 sebelum sesi Kuliah dan Pengajaran dan Pembelajaran secara bersempuka dijalankan.</p>
<b>Tempoh &amp; Lokasi</b>	 <p><b>10 hari</b> diwajibkan di rumah kediaman masing-masing.</p>	<p><b>10 hari</b> diwajibkan di Pusat Pengasingan. Terdapat 2 pusat pengasingan iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kamsis Politeknik Merlimau (Bilik Asrama) yang dikhkususkan kepada Pelajar Baharu dan pelajar yang ditawarkan kemudahan asrama.</li> <li>2. Rumah Sewa Pelajar sekitar Merlimau bagi kumpulan Pelajar Senior tanpa kemudahan asrama.</li> </ol>
<b>Dibolehkan</b>	 <p>Berada di rumah masing-masing, makan dan minum di rumah bersama ahli keluarga terdekat yang tinggal serumah dengan pematuhan SOP.</p> <p>Dibenarkan berada di sekitar rumah dan kawasan kediaman dengan melaksanakan aktiviti secara</p>	<p>Berada di bilik atau rumah sewa pelajar dan makan dan minum di bilik atau rumah sewa bersama rakan sebilik / rakan serumah dengan pematuhan SOP.</p> <p>Aktiviti riadah adalah dibolehkan. Walaubagaimanapun ianya hendaklah aktiviti secara individu dan tidak</p>

	<p>individu dan tidak berkumpulan dengan pematuhan SOP.</p> <p>Bagi pelajar baharu, Pelajar dibenarkan bergerak ke PMM dengan kenderaan sendiri / ditemani oleh <b>salah seorang</b> dari ahli keluarga selepas tamat tempoh kuarantin. Seterusnya melapor diri di Kamsis pada masa dan tarikh Pendaftaran Kamsis dan Pengasingan Diri. (rujuk Jadual Pendaftaran dan Pengasingan Diri)</p>	<p>berkumpulan dengan pematuhan SOP.</p> <p>Pelajar kamsis terhad berada di dalam sekitar kampus dengan pematuhan SOP.</p> <p>.</p> <p>Pelajar luar kampus (rumah sewa) terhad di sekitar rumah sewa masing-masing dengan radius 1Km sahaja bagi tujuan yang benar-benar perlu. Pelajar luar kampus perlu mematuhi SOP yang berkuatkuasa dan sentiasa mengamalkan pembudayaan norma baharu bagi menjaga kesihatan diri dan mencegah penularan wabak COVID-19.</p>
<p><b>Tidak dibenarkan</b></p> 	<p>Pergi membeli-belah, makan atau bersosial di luar.</p> <p>Tidur di bilik tidur yang sama dengan ahli keluarga yang lain, dan cuba gunakan tandas berasingan (jika boleh).</p> <p>Menggunakan pinggan mangkuk dan kemudahan gunasama yang digunakan di bilik / dirumah. (Jika berkongsi perkakas dengan penghuni lain, basuhlah terus selepas menggunakan)</p>	<p>Pergi membeli-belah, makan atau bersosial di luar kampus PMM.</p> <p>Bersukan dan aktiviti berkumpulan</p> <p>Tidur di katil rakan sebilik/serumah. Menggunakan pinggan mangkuk dan kemudahan gunasama yang digunakan di bilik / dirumah. (Jika berkongsi perkakas dengan penghuni lain, basuhlah terus selepas menggunakan).</p> <p>Memasuki Bilik Pensyarah, Pejabat, serta Keluar/Masuk ke Kampus PMM.</p>
<p><b>Aplikasi MySejahtera Dan Deklarasi Kesihatan &amp; Penilaian Risiko Covid-19 Pelajar Politeknik (PolyDec)</b></p> 	<p>Pelajar <b>wajib</b> menggunakan aplikasi <b>PolyDec</b> sepanjang tempoh Kuarantin di rumah dan aplikasi <b>MySejahtera</b> dimana sahaja lokasi yang dikunjungi untuk tujuan <i>contact tracing</i> pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Selain itu, pelajar perlu <b>mempamerkan paparan Maklumat Pengisyiharan PolyDec</b> kepada Pengawal Keselamatan sebagai bukti pematuhan kepada Deklarasi Kesihatan PMM apabila masuk / keluar ke Kawasan kampus..</p>	<p>Pelajar <b>wajib</b> menggunakan aplikasi <b>PolyDec</b> sepanjang tempoh Pengasingan diri dan aplikasi <b>MySejahtera</b> dimana sahaja lokasi yang dikunjungi untuk tujuan <i>contact tracing</i> pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Selain itu, pelajar perlu <b>mempamerkan paparan Maklumat Pengisyiharan PolyDec</b> kepada Pengawal Keselamatan sebagai bukti pematuhan kepada Deklarasi Kesihatan PMM apabila masuk / keluar ke Kawasan kampus.</p>